

12 OCT 1996

SC LULUS PENGKORPORATAN KUB

Oleh: Jeffri Mohd Rafiee

KUALA LUMPUR, 12 Oct (Bernama) -- Suruhanjaya Sekuriti telah meluluskan pengkorporatan dan penyenaian Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Bhd (KUB) melalui suntikan aset bernilai RM688.5 juta ke dalam Permodalan Perak Bhd (PPB) yang kini disenarai di Bursa Saham Bumiputera, Pengerusinya Hassan Harun berkata hari ini.

Memberitahu Bernama selepas pengumuman oleh Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Muhamad semasa menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung Umno di sini petang ini, katanya cadangan pengkorporatan dan suntikan aset yang termasuk 30 peratus ekuiti dalam United Malayan Banking Bhd itu juga diluluskan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Bank Negara.

Dengan suntikan ini, kata Hassan, KUB akan menjadi pemegang saham dalam PPB dengan 92.7 peratus ekuiti. KUB, kemudian akan menjual 37.8 peratus dalam PPB kepada Sumber Serata Sdn Bhd (29.3 peratus) dan Sasaran Era Sdn Bhd (8.5 peratus) yang mewakili pengurusan KUB dan PPB.

Tertakluk kepada kelulusan dari Jabatan Pembangunan Koperasi and anggota KUB, koperasi itu akan mengagihkan saham PPB yang tinggal bernilai RM1.3 bilion kepada semua anggotanya sebanyak 137,000.

Selepas pangagihan saham, PBB akan memohon untuk diapungkan di Bursa Saham Kuala Lumpur dan ditukar nama menjadi KUB Malaysia Bhd. Penyenaian itu dijangka dilakukan pada bulan Mac 1997.

Menurut makalah KUB terbaru, "Berita KUB", dana pemegang saham KUB pada 1997 dijangka bernilai RM972 juta berbanding dengan defisit sebanyak RM51 juta pada 1990.

Perolehan KUB Malaysia Bhd dianggarkan sebanyak RM613 juta pada 1997 dengan untung bersih RM96 juta, untung terkumpul RM149 juta dan modal berbayar RM531 juta.

Modal pasaran KUB Malaysia Bhd yang dicadang untuk penyenaian adalah RM2.14 bilion dengan harga nisbah pendapatan sebanyak 20 kali. -- BERNAMA

JR OS